



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya
Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957
Laman web: www.kwp.gov.my

KENYATAAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN ANAK MUDA KOTA WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

Di bawah Inisiatif **Wilayah Persekutuan Wilayah Prihatin**, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan agensi-agensinya di bawahnya telah memperkenalkan pelbagai program serta produk bagi membantu warga Wilayah Persekutuan. Salah satunya adalah **Program Pembangunan Usahawan Anak Muda Kota (PUAMK) Wilayah Persekutuan** yang dibangunkan di bawah **Cakna Keusahawanan** bagi membantu anak-anak belia kota yang terjejas dan kehilangan punca pendapatan akibat pandemik COVID-19.

Sehingga 11 Mac 2021, **sebanyak 319 lot niaga Usahawan Anak Muda Kota (UMK) telah ditawarkan di Wilayah Persekutuan** di mana **64 daripadanya adalah bagi UMK Putrajaya** menerusi lot niaga di bawah Perbadanan Putrajaya (PPj).

Bagi pelaksanaan PUAMK Putrajaya, **sasaran sebanyak 118 lot niaga secara keseluruhan disediakan kepada anak-anak belia Putrajaya** yang telah bermula sejak November 2020. **Sebanyak 64 lot niaga UMK Putrajaya yang telah ditawarkan** adalah seperti berikut;

- i. **30 lot niaga di Tapak Niaga Belia di Hot Spot Presint 14**
- ii. **5 lot niaga Food Truck di Hot Spot Presint 14**
- iii. **4 lot niaga Kios Merah di Persiaran Perdana, Presint 2**
- iv. **1 lot niaga Kios 8B di Persiaran Perdana, Presint 3**
- v. **12 unit push cart di Dataran Wawasan, Presint 2**
- vi. **12 unit gerai Akie Burger di pelbagai Presint.**

Sementara itu, **sebanyak 22 lot niaga Walk Bazar di Nadi@15, Presint 15 akan dibuka pada April 2021 dan 10 lagi lot niaga Kios UMK dibuka pada Mei 2021.** Manakala **sebanyak 65 lot niaga UMK sedang dalam perancangan dan pembinaan** meliputi pelbagai lokasi iaitu;

- i. 8 unit Kios Presint 6 dan Dataran Putra Presint 1
- ii. 7 unit di Putrajaya Sentral, Presint 7
- iii. 5 unit di Kompleks Kejiranan Presint 14
- iv. 4 unit di Kompleks Kejiranan Presint 18
- v. 4 unit di Kompleks Kejiranan Presint 5
- vi. 5 unit di Medan Selera Baharu Presint 8
- vii. 6 unit di Residensi Presint 19
- viii. 3 unit Costa Coffee (*drive thru* dan *food truck*)
- ix. 23 unit di bawah Yayasan WP (21 unit di Box Park Presint 14, 1 kios PUAMK dan 2 kios Laman Duta)

Penambahan selain daripada keseluruhan 118 lot niaga UMK Putrajaya yang disasarkan ini juga akan dibuat dari semasa ke semasa berdasarkan kesesuaian lokasi strategik lain yang akan dikenalpasti oleh PPj.

Sejak diumumkan pada Julai 2020, program PUAMK WP Putrajaya telah menerima sambutan yang sangat memberangsangkan bukan sahaja daripada warga Wilayah Persekutuan Putrajaya tetapi juga dari kawasan berhampiran, namun keutamaan diberikan kepada warga Putrajaya khususnya golongan belia yang berusia 18 hingga 35 tahun dan kepada mereka yang hilang pekerjaan dan aktiviti perniagaan akibat kesan pandemik COVID-19.

Bagi mengurangkan masalah bebanan sewaan lot niaga akibat kekurangan pelanggan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), saya telah mengarahkan PPj untuk mempertimbangkan **pegecualian atau pengurangan sewaan sehingga 50 peratus bagi tempoh tiga (3) hingga enam (6) bulan** bergantung kepada jenis dan premis perniagaan serta kadar sewaan yang mana ianya telahpun dilaksanakan.

Saya berkesempatan untuk membuat tinjauan salah satu lot niaga UMK iaitu Kios Merah di Persiaran Perdana, Presint 2 pada hari ini untuk beramah mesra dan melihat sendiri perniagaan salah seorang pengusaha yang turut mendapat pegecualian sewaan sebanyak 50 peratus bagi tempoh enam (6) bulan bermula Januari hingga Julai 2021.

Saya amat berharap pelaksanaan program ini **dapat melahirkan lebih ramai usahawan muda** di lokasi yang strategik sekitar Wilayah Persekutuan di samping **memperkasakan usahawan mikro untuk lebih berdaya saing dalam menghadapi norma baharu.**

TAN SRI TPr HJ ANNUAR MUSA
Menteri Wilayah Persekutuan
13 Mac 2021